

11.12.2020

**KENYATAAN MEDIA**  
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

## **PBAPP AKAN TERUS BERSUARA UNTUK MELINDUNGI BEKALAN AIR PULAU PINANG**

- PBAPP mohon Kerajaan Persekutuan bertindak, dan bukan ditujukan kepada Menteri Besar Kedah.**

PULAU PINANG, Jumaat, 11.12.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) berhak untuk bersuara demi Pulau Pinang sekiranya Kerajaan Negeri Kedah membuat keputusan yang mengancam keselamatan bekalan air Pulau Pinang dalam apa juga cara.

Kami menentang perlombongan REE berskala besar di Ulu Muda kerana ia pasti akan menyebabkan kerosakan kepada kawasan hutan secara meluas, pemotongan bukit, pembukaan tanah dan penghasilan sisa toksik di kawasan tadahan air paling berharga di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Potensi kerosakan kemungkinan akan kekal dan boleh membawa bencana.

Sebagai organisasi pembekalan air holistik, PBAPP menganggap kawasan tadahan air, seperti Ulu Muda, adalah penghubung pertama dalam rantaian nilai bekalan air. Tanpa air mentah yang mencukupi, PBAPP tidak dapat menghasilkan air terawat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan harian Pulau Pinang. Ini adalah perniagaan utama kami, dan tanggungjawab awam, untuk memenuhi segala keperluan bekalan air Pulau Pinang, 24/7.

Kami akan terus bersuara untuk pemuliharaan Kompleks Hutan Ulu Muda (Ulu Muda) yang merangkumi 163,000 hektar (ha.) hutan hujan. Hutan hujan ini menghasilkan 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah. Lebih daripada 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP setiap hari, dari Sungai Muda juga datangnya dari Ulu Muda.

Laporan pada 2.12.2020 Astro Awani memetik Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Mohd Nor yang menyatakan bahawa kerajaan negeri telah meluluskan permit kepada syarikat untuk meneroka perlombongan *rare earth elements* (REE) di Kedah.

Beliau dipetik sebagai berkata simpanan REE yang besar, bernilai RM60 bilion, telah dikesan di Sik, Baling dan Ulu Muda.

PBAPP memberi respons dengan menyatakan:

- Perlombongan REE berskala besar di Ulu Muda akan membahayakan bekalan air untuk 4.2 juta orang di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang kerana Menteri Besar Kedah dengan mudah lupa yang Ulu Muda adalah kawasan tадahan air terbesar dan terpenting di NCER.
- Ulu Muda tidak dapat terus berfungsi sebagai kawasan tадahan air utama jika hutan hujannya ditebang, bukit-bukaunya diratakan dan lanskapnya dilanda operasi perlombongan. Perlombongan juga akan memberi kesan buruk kepada Sungai Muda, sumber air mentah yang strategik, serta kualiti air mentahnya.
- Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mesti bekerjasama untuk menghentikan usaha berbahaya ini dengan segera.

Harap maklum bahawa PBAPP memohon kementerian di peringkat Kerajaan Persekutuan dan MKN untuk mengambil tindakan. Bukan niat kami untuk tujukan atau libatkan Menteri Besar Kedah kerana beliau sudah meluluskan permit berkaitan perlombongan REE (tanpa persetujuan Kerajaan Persekutuan).

PBAPP ingin mengulangi gesaan kepada KASA, KeTSA dan MKN untuk menghentikan usaha perlombongan REE ini. Pada pendapat kami, perlombongan REE di Ulu Muda secara langsung mengancam keselamatan bekalan air di wilayah ini, dan juga, kehidupan dan mata pencarian 4.2 juta orang serta anggaran sumbangan KDNK sebanyak RM147.8 bilion dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 2019.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Sahabat Alam Malaysia (SAM), Pertubuhan Perlindungan Khazanah Malaysia (PEKA) dan beberapa Ahli Parlimen (MP) juga telah membantah cadangan perlombongan REE Kedah.

Pada 8.12.2020, The Star memetik Menteri KeTSA Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah yang menyatakan Kerajaan Persekutuan masih belum mengeluarkan kelulusan perlombongan untuk REE bukan radioaktif di kawasan hutan simpan kekal (HSK).

Harap maklum bahawa pada 4.11.2019, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah menyatakan dalam jawapan parlimen bahawa Kedah telah mewartakan 106.418 ha. hutan Ulu Muda sebagai HSK sejak tahun 1932.

Berkenaan dengan tuntutan Menteri Besar Kedah bahawa PBAPP tidak perlu memberi komen mengenai Ulu Muda sehingga ia membayar air mentah, jawapan kami adalah seperti berikut:

- “Garisan” di tengah Sungai Muda merupakan sempadan negeri Kedah dan Pulau Pinang.
- PBAPP abstrak air mentah dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang, yang terletak di wilayah Pulau Pinang.
- PBAPP membayar air mentah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengabstrak air mentah di muka sauk Lahar Tiang.
- PBAPP mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di hilir 13 loji rawatan air Kedah dan 4 muka sauk pengairan. Sekiranya kita tidak mengabstrak air mentah di Lahar Tiang, ia akan mengalir secara semula jadi ke Selat Melaka.
- Kedah harus meminta pampasan untuk pemuliharaan dari Kerajaan Persekutuan, bukannya dari Pulau Pinang, kerana Ulu Muda adalah kawasan tadahan air yang “berfungsi” untuk 3 negeri NCER, termasuk Kedah sendiri.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP secara terbuka menyatakan bahawa kami akan menyokong tuntutan Kedah untuk pampasan Persekutuan untuk memulihara Ulu Muda sekiranya Kedah



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

bersedia mewartakan dan mengklasifikasikan 163,000 hektar hutan hujan di Ulu Muda sebagai “hutan tадahan air” secara kekal.

“Pemuliharaan” bermaksud tiada pembalakan, tiada perlombongan, tiada pembangunan tanah dan tiada apa jua kegiatan yang mengancam hutan hujan Ulu Muda.

Terima kasih

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my